

07 OCT 1999

Mohamed-Veteran

BARISAN NASIONAL ADAKAN PERHIMPUNAN PARA VETERAN

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) akan menganjurkan perhimpunan veteran parti di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), kata Setiausaha Agungnya Datuk Mohamed Rahmat.

Katanya perhimpunan itu bertujuan menghargai jasa para pemimpin BN di peringkat persekutuan, negeri dan Parlimen terhadap parti dan kerajaan selama ini.

"Kita merasakan perlu untuk mengadakan perhimpunan ini bagi menentukan bekas pemimpin BN akan tetap bersama pimpinan dan parti untuk meneruskan perjuangan BN yang ada ini, walaupun mereka tidak pegang apa-apa jawatan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat dengan Setiausaha-setiausaha BN negeri di PWTC di sini hari ini.

Beliau berkata anggota BN ingin menghargai jasa-jasa mereka kerana difikirkan mereka masih mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk meneruskan perjuangan BN untuk rakyat dan negara.

Tarikh perhimpunan itu bagaimanapun belum ditetapkan lagi.

Bagi tujuan perhimpunan itu, beliau berkata semua setiausaha BN negeri telah diarah untuk mengundang para veteran berkenaan.

Dijangka lebih 3,000 veteran BN akan diundang menyertai perhimpunan itu.

Mengenai perayaan ulang tahun ke-25 BN, beliau berkata acara sambutan akan diadakan serentak di seluruh negara dengan perhimpunan rakyat diatur oleh BN negeri.

Tarikh perayaan itu yang bertema "Teguh Padu Ke Alaf Baru" itu bagaimanapun belum diketahui dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengumumkannya, katanya.

"Negeri-negeri telah membuat persiapan yang rapi dan diharap perayaan ini menggambarkan kepada seluruh rakyat tentang keutuhan dan kesatuan yang ada pada BN untuk menghadapi apa sahaja cabaran khususnya menjelang alaf baru," katanya

-- BERNAMA

HS RI